


AHLI keluarga dan rakan mangsa tidak dapat menahan kesedihan.


A photograph capturing a moment of grief at a disaster site. In the foreground, a woman with long brown hair, wearing a black and white patterned top, is embracing a man from behind. The man, wearing sunglasses and a dark t-shirt, has his arms around her. They are both looking down, their faces partially obscured by the embrace. In the background, a chaotic scene unfolds with emergency responders in high-visibility vests and orange gear, and a large pile of charred, twisted metal debris. The overall atmosphere is one of tragedy and loss.

# LAMBAIAN DALAM API

■ Pemandu dan lima penumpang  
terbakar hidup-hidup terbabit nahas ngeri



MAYAT enan mangsa yang rentung selepas dikeluarkan anggota bomba.



ANGGO mengel mayat



**KENDERAAN** mangsa dipercayai dipandu laju sebelum terbabas dan melanggar tiang jejambat.

**Kalidevi Mogan Kumarappa dan Norul Awatif Romli**  
am@mediaprima.com.my  
**Kuala Lumpur**

**“S**aya nampak ada penumpang kereta itu melambai tangan meminta tolong, tapi saya dan beberapa orang lagi tidak dapat membantu kerana api terlalu marak.”

Itu kata saksi kemalangan ngeri menyebabkan seorang pemandu dan lima penumpang Nissan Skyline terbakar hidup-hidup sebelum rentung apabila kereta dinaiki mereka melanggar tiang jejambat berdekatan Bulatan Kampung Pandan, di sini, tengah malam semalam.

Saksi itu yang mahu dikenali sebagai Akmal, 30, berkata ketika kejadian jam 12.30 tengah malam dia bersama isteri dan dua anak dalam perjalanan ke ibu kota dan menghampiri ke Bulatan Kampung Pandan.

Menurutnya, dia melihat sebuah kereta mangsa warna biru dipandu laju datang dari arah bertentangan dan ia dipandu seorang lelaki Mat Salih bersama beberapa penumpang wanita.

“Kereta itu terlalu laju sebelum terbabas dan menuju ke arah saya. Untuk menyelamatkan diri saya terpaksa lajukan kereta saya bagi mengelak daripada dilanggar.

“Saya anggap diri saya dan keluarga ibarat berselisih dengan maut. Selepas melepasi

kereta saya, kereta biru itu meluncur laju dan melanggar tiang jejambat.” katanya yang ditemui di lokasi kejadian.

Akmal berkata, dia kemudian memberhentikan keretanya 80 meter dari kereta mangsa yang terbabas.

“Saya berlari ke arah kereta itu untuk menolong bagaimana-napun dalam sekelip mata kereta itu meletup. Saya nampak ada penumpang yang cuba keluar tapi gagal kerana tersepit.

“Api marak dengan cepat dan saya hanya mampu melihat pemandu serta penumpang kereta itu mati terbakar,” katanya.

Seorang lagi saksi, Kamarul Haniff Hamid, 21, pula berkata dia memandu di belakang kereta Nissan Skyline terbabas sebelum ia terbabas dan melanggar tiang jejambat di jalan bertentangan.

“Saya terdengar bunyi dentuman kuat. Pada awalnya kenderaan itu hanya mengalami kebakaran kecil sebelum berlaku letupan dan api marak membakar kereta itu keseluruhannya,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Turus Siasatan dan Perundangan Trafik Kuala Lumpur Deputy Superintendan Abdullah Roning berkata, semua mangsa yang rentung warga asing.

Mereka ialah warga Britain, Simon John Hall, 40, (pemandu); Pi Pi, 20, (Myanmar); Es-ter Sui, 26, (Myanmar); Siso Aileen, 30, (Filipina); Maileen Tentative Montejo, 26, (Fili-

pina) dan Mary Grace Macaraig, 24, (Filipina).

Menurutnya, kemalangan itu adalah terbesar di Kuala Lumpur setakat ini kerana membabitkan enam kematian.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kenderaan terbabit dipandu laju sebelum hilang kawalan dan merempuh tiang jejambat menyebabkan meletup.

“Kemalangan ngeri itu mengakibatkan lima mangsa rentung 100 peratus, manakala pemandu rentung separuh badan,” katanya.

Abdullah berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan saksi kejadian diminta tampil membantu siasatan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat KL Azizan Ismail berkata, pihaknya mengambil masa 20 minit untuk mengeluarkan semua mangsa yang terperangkap di dalam kereta.

“Sebaik tiba di lokasi, anggota bomba mendapati api sedang marak, manakala mayat mangsa masih berada di dalam kereta.

“Kami menggunakan alat pemotong bagi mengeluarkan pemandu yang tersepit di tempat duduknya,” katanya.

Sebaik mangsa dikeluarkan, anggota paramedik yang turut berada di lokasi kejadian mengesahkan semua mangsa meninggal dunia.

# Baru balik berhibur di Bukit Bintang

**Kuala Lumpur:** Lima wanita warga asing yang rentung bersama seorang rakan lelaki mereka akibat kemalangan berdekatan Bulatan Kampung Pandan, di sini, tengah malam semalam adalah pekerja sebuah bar di Jalan Changkat, Bukit Bintang, di sini.

Seperu seorang daripada wanita terbabit yang mahu dikenali sebagai Marina, 22, berkata, semua mangsa tinggal di ibu kota sejak 2009 lalu dan mangsa lelaki yang memandu adalah rakan majikan mereka.


“Saya diberitahu sebelum kejadian mereka menghadiri majlis makan malam sambil berhibur di Bukit Bintang,”

katanya yang juga sepupu seorang daripada mangsa dikenali sebagai Esther Sui, 26, dari Myanmar.

Marina berkata, dia turut menghadiri majlis yang sama dan ketika pulang dia melalui jalan sama sebelum tersempak dengan kemalangan membabitkan sepupunya itu.



ANGGOTA bomba dan penyelamat memotong bumbung kenderaan.



Bomba rkan mangsa.

## Info Senarai nama mangsa

- Pi Pi, 20 (Myanmar)
- Ester Sui, 26 (Myanmar)
- Siso Aileen, 30 (Filipina)
- Maileen Tentative Montejo, 26 (Filipina)
- Mary Grace Macaraig, 24 (Filipina)
- Simon John Hall, 40 (British)

## Enam mati terbakar

